



Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences

Journal homepage: www.akademiarbaru.com/arsbs.html

ISSN: 2462-1951



Isu dan Cabaran Pelancongan Kembara dan Masa Depannya di Malaysia

Backpacker Tourism Issues and Challenges and Its Future In Malaysia

Open
Access

Johan Johnes^{1,*}, Jabil Mapjabil²

¹ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

² Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

ABSTRACT

Pelancongan kembara (backpacker tourism) merupakan suatu bentuk pelancongan alternatif yang memiliki ciri-ciri unik dari segi penglibatan individu serta jenis aktiviti yang dilakukan oleh pelancong berkenaan. Antara destinasi kunjungan pelancong kembara (backpackers) yang popular di dunia adalah di benua Eropah dan rantau Asia Tenggara. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cabaran yang berlaku dalam konteks pelancongan kembara serta meneliti masa depan pelancongan kembara di Malaysia. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah sorotan literatur berdasarkan data sekunder daripada sumber kepublikan berkenaan pembangunan pelancongan kembara. Antara isu dan cabaran yang dihadapi dalam pelancongan kembara adalah isu dalam pembangunan sosiobudaya, ancaman terhadap kerosakan alam sekitar, lebihan daya tampung alam sekitar, gangguan terhadap habitat flora dan fauna, cabaran untuk mengekalkan keaslian dalam pelancongan kembara dan kecenderungan kerajaan sesebuah negara untuk lebih mempromosikan sektor pelancongan secara massa. Seterusnya, kertas kerja ini turut merungkai berkenaan masa depan Malaysia yang kaya dengan keunikan alam semula jadi dan kepelbagaiannya budaya yang amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan kembara di kedua-dua wilayah Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur. Tuntasnya, penulisan dalam kertas kerja ini secara tidak langsung akan memberi pemahaman yang lebih baik berkenaan masa depan pelancongan kembara di Malaysia.

Backpacker tourism is an alternative form of tourism that has unique features in terms of individual involvement and the type of activities for tourists. Some of the most popular backpackers destination in the world are in Europe and the Southeast Asia region. This paper aims to identify the issues and challenges that arise in the context of backpacker tourism and to explore the future of backpackers tourism in Malaysia. The research methodology used in this study is a highlight of the literature based on secondary data from library sources on tourism development. Among the issues and challenges encountered in backpacker tourism are socio-cultural development, threats to environmental degradation, excessive use of environment, habitat disturbance of flora and fauna, challenges to maintaining authenticity in travel tourism and government's tendency to further promote the mass tourism sector. In turn, this paper also discusses Malaysia's rich unique nature and cultural diversity to develop as a backpacker tourism product in both the Peninsular Malaysia and East Malaysia in the future. In conclusion, the writing of this paper will indirectly provide a better understanding of the future of travel tourism in Malaysia.

Kata Kunci

Pelancongan kembara, pelancong
kembara, isu, cabaran, masa depan,
Malaysia

Copyright © 2020 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

* Corresponding author.

E-mail address: johanjohnes28@gmail.com

Keywords:

Backpacker tourism, backpackers, issues, challenge, future, Malaysia

1. Pengenalan

Pelancongan kembara telah dikenal pasti sebagai salah satu mod pelancongan yang mempunyai sumbangan yang begitu ketara dalam perkembangan perjalanan pelbagai destinasi oleh pelancong [1, 2, 3]. Menurut Butler dan Hannam [4], ciri dan ruang pergerakan pelancong kembara yang melakukan perjalanan meneroka sebuah kawasan geografi yang luas dalam suatu jangka masa yang singkat menyebabkan mereka lebih dikenali sebagai pelancong yang bersifat ‘tidak terbatas’ (boundless) atau ‘nomad’. Malah, pergerakan ini sudah dianggap sebagai salah satu ciri penting dalam sesebuah perjalanan dalam pelancongan kembara [5].

Elemen ‘kebebasan’ dikenal pasti sebagai tujuan utama perjalanan seseorang pelancong kembara. Menurut Elsrud [6], ketiadaan elemen kebebasan dalam perjalanan seseorang pelancong kembara akan mempengaruhi tahap keseronokan atau pengembaraan yang dirasakan sebagai pengalaman menarik dalam perjalanan mereka. Oleh itu, pelancong kembara berusaha untuk menonjolkan elemen kebebasan yang dimiliki oleh mereka semasa melakukan perjalanan berbanding kumpulan pelancong lain dengan membezakan aktiviti di luar konsep aktiviti yang biasanya dilakukan dalam pelancongan massa [3].

Namun demikian, pelancongan kembara mempunyai sisi positif dan negatifnya yang tersendiri. Cohen [7, 1, 8] merupakan antara sarjana yang banyak membincangkan berkenaan isu dan cabaran yang dihadapi dalam pelancongan kembara. Berdasarkan perbandingan dengan pelancongan massa yang dipromosikan secara aktif di beberapa buah negara, pelancongan kembara dilihat banyak menyumbang manfaat yang lebih signifikan terhadap ekonomi tempatan terutamanya di negara-negara membangun [8, 9, 10]. Malah, pelancongan kembara dianggap sebagai salah satu tarikan pelancongan pro-miskin (*pro-poor tourism*) oleh Jabatan Pembangunan Antarabangsa, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sungguhpun pelancong kembara mempunyai sumbangan yang baik dari segi pembangunan ekonomi tempatan, ia memberi kesan negatif dari segi pembangunan sosiobudaya. Menurut Aziz [11] dan Mandalia [12], hal ini demikian kerana walaupun pelancong kembara dikenal pasti sebagai golongan pelancong yang memberi perhatian terhadap keunikan budaya masyarakat setempat di destinasi yang dikunjungi, namun perlakuan dan penampilan mereka seperti berpakaian singkat, menagih dadah, meminum arak yang berlebihan dan perlakuan seksual yang terang-terangan biasanya akan menyinggung perasaan masyarakat setempat di destinasi pelancongan tersebut.

Walau bagaimanapun, berbeza daripada perspektif pembangunan ekonomi dan sosiobudaya tempatan, kehadiran pelancong melalui mod pelancongan kembara dilihat memberi impak alam sekitar yang lebih minimal berbanding kehadiran pelancong secara massa ke sesebuah destinasi pelancongan [13, 14]. Menurut Luo *et al.* [15], pelancong kembara lebih mesra terhadap alam sekitar daripada pelancong massa terutamanya dari segi pemilihan penginapan, makanan dan penggunaan mod pengangkutan, malah mereka dinyatakan lebih berhati-hati menggunakan sumber dan tenaga yang ada serta membuang sampah di tempat yang betul. Oleh itu, keperluan untuk merungkai membangun dan menambah baik pelancongan kembara dari segi pengenalpastian isu dan cabaran perlu dipergiat lagi bagi mengekalkan kelestarian alam sekitar bagi generasi akan datang.

2. Sorotan Literatur

Menurut Moaz [3], kebanyakan pelancong kembara akan menjelaskan faktor tolakan seperti mengalami “krisis hidup” sebagai motif mereka melakukan perjalanan. Jenis pelancong ini dikaitkan dengan fenomena “*drifters*” pada tahun 1960-an dan 1970-an, iaitu pengembara yang bergerak secara bersendirian atau dalam kumpulan kecil mengelilingi dunia [1]. Hal ini demikian kerana pada ketika itu, kecenderungan melakukan perjalanan secara “*drifter*” dianggap sebagai salah satu cara untuk bebas daripada kebimbangan (*anxiety*) dalam masyarakat Barat. Kini, perjalanan atau pengembaraan terutamanya dalam konteks pelancongan kembara dilihat sebagai satu bentuk pendidikan yang bertujuan untuk meningkatkan jati diri, kesedaran sosial dan pengetahuan mereka [16].

Menurut Richard dan Wilson [17], dalam tempoh lebih empat dekad ini, pelancongan kembara telah menjadi fenomena global dan dianggap sebagai bentuk perjalanan kembara pasca-moden. Pelancong kembara turut dikenali dengan panggilan popular yang lain seperti “*drifters*”, “nomad global”, “pengembara” dan “pelancong bajet”. Menurut Cohen [7, 8], pelancong kembara merujuk kepada individu yang secara demografik adalah seorang yang muda, berumur di antara 18 tahun sehingga lewat 30-an, mempunyai kelayakan sederhana dalam pendidikan tinggi, berasal daripada keluarga berpendapatan sederhana dan mempunyai keinginan untuk meneroka sesebuah negara dari sudut pandang masyarakat tempatan sambil berinteraksi dengan mereka.

Pelancong kembara gemar untuk melakukan aktiviti lasak dan berhibur [18]. Mereka tidak mempunyai jadual masa yang ketat ataupun jadual perjalanan yang tetap dan memilih untuk melakukan perjalanan bajet tanpa berniat untuk tinggal di penginapan mewah semasa dalam tempoh pengembaraan mereka. Pelancong kembara turut memilih untuk terlibat dan mahu melibatkan diri berbanding daripada hanya memerhati apabila adanya acara sosial dan kebudayaan di destinasi yang dikunjungi. Menurut Richard dan Wilson [17], istilah popular lain yang turut dikaitkan dengan jenis pelancongan ini ialah “*eco-tourist*”, “*anti-tourist*”, “*neonomads*” dan “*flash-packers*”. Terdapat banyak lagi tafsiran dan definisi berkenaan dengan pelancongan kembara berdasarkan kriteria oleh pelbagai sarjana di peringkat global. Jadual 1 merupakan antara kriteria dalam pendefinisian pelancongan kembara daripada pelbagai sarjana seperti yang dinyatakan oleh Dayour *et al.* [19].

Jadual 1

Kriteria pendefinisian pelancongan kembara daripada pelbagai sarjana di peringkat antarabangsa

Kriteria	Sarjana
Sosio-demografik (umur)	
I. 18 – 30 tahun	Loker [16]
II. 15 – 25 tahun	Hunter-Jones <i>et al.</i> [36]
Motivasi untuk melakukan perjalanan	
I. Perjalanan berdasarkan masa lapang	Adam [37]
Ciri perjalanan	
I. Keutamaan terhadap penginapan bajet dan hostel orang muda	Pearce [38], Dayour <i>et al.</i> [19], Zhang <i>et al.</i> [39]
II. Membawa beg galas (<i>backpack bag</i>) dan melakukan perjalanan secara bebas	Zhang <i>et al.</i> [39]
III. Lebih panjang daripada percutian biasa	Pearce [38]
IV. Melakukan perjalanan untuk beberapa bulan sehingga ke tahun	O'Reilly [40]
V. Melakukan perjalanan untuk setahun atau lebih	Elsrud [6]
VI. Jadual perjalanan yang flesibel	Pearce [38]
VII. Penekanan kepada pertemuan dengan pelancong lain dan masyarakat tempatan	Pearce [38]

Komuniti maya	
I.	Ahli kepada kumpulan <i>backpackers</i> di Facebook
II.	Pengguna laman sesawang <i>backpackers</i>
Ruang keliaran berdasarkan minat (<i>backpackers enclaves</i>)	
I.	Pelancong kembara (<i>backpackers</i>) berdasarkan minat (<i>backpackers enclaves</i>)
Pengenalpastian diri	
I.	Pengakuan diri sebagai pelancong kembara (<i>backpackers</i>) atau melalui jemputan untuk menyertai suatu perjalanan dalam pelancongan kembara (<i>backpacker tourism</i>)
Faktor ekonomi	
I.	Pengembara bajet
II.	Memilih menggunakan pengangkutan awam semasa melakukan perjalanan di destinasi yang dikunjungi

Sumber: Diubah suai daripada Dayour *et al.* [19].

3. Isu dalam pelancongan kembara

Terdapat beberapa isu dalam pelancongan kembara yang membawa kepada perhatian yang lebih khusus bagi menambah baik peranan mod pelancongan ini sebagai satu bentuk pelancongan lestari berbanding menggalakkan ketibaan pelancong melalui pelancongan massa. Pelancongan kembara lebih berkesan dalam pembangunan ekonomi tempatan dan memberi kesan yang minimal berbanding pelancongan massa dari segi impak terhadap alam sekitar [9, 11, 13]. Oleh itu, isu-isu yang dihadapi dalam pelancongan kembara perlu diteliti dengan lebih mendalam.

Berdasarkan bukti literatur yang diperoleh, dapat dikesan bahawa isu dalam pelancongan kembara ini banyak bertumpu dalam konteks pembangunan sosiobudaya dan secara minimal kesan terhadap alam sekitar. Dalam konteks pembangunan sosiobudaya, isu ini berlaku disebabkan oleh dua perkara utama iaitu perbezaan nilai moral dan norma kehidupan antara pelancong dan masyarakat tempatan serta gaya hidup negatif pelancong kembara tersebut.

3.1 Perbezaan nilai moral dan norma hidup

Laland *et al.* [20] dan Hofstede [21] mentakrifkan bahawa budaya dikongsi sebagai satu norma, nilai sepunya dan sikap bagi sesebuah kelompok masyarakat. Nilai budaya seperti perkongsian kepercayaan dan amalan tidak hanya membuat penilaian terhadap isu yang bersangkut paut terhadap kandungan budaya tersebut, namun ia merupakan kesinambungan perhatian terus dalam memahami keadaan yang bersifat dinamik dalam proses sosial. Menurut Spencer [22], perbezaan budaya adalah sepadan dengan andaian asas kumpulan yang dikaitkan, oleh itu ia tidak boleh dianggap sebagai tidak relevan. Susulan itu, Hermans dan Kempen [23] menyatakan bahawa wujudnya konsep “pengasingan dua aliran budaya” (*cultural dichotomies*) dalam memahami batas sosiobudaya dalam pelancongan.

Pengasingan dua aliran budaya ini menggambarkan perbezaan antara budaya Barat dan bukan Barat [23]. Sifat budaya yang berbeza antara masyarakat Barat dan bukan Barat secara tidak langsung menghasilkan nilai moral dan norma hidup yang berbeza. Oleh itu, kealpaan pelancong kembara dalam menyesuaikan diri dan memahami budaya di tempat lain akhirnya mendatangkan ancaman terhadap budaya masyarakat tempatan di destinasi yang dikunjungi. Sebagai contoh, pelancong kembara daripada negara Barat mempunyai kebiasaan berpakaian singkat dan tetap berpakaian

sedemikian apabila melakukan perjalanan di negara rantau Asia yang majoritinya mempunyai adab dalam berpakaian dan tidak menggalakkan berpakaian yang menjolok mata.

3.2 Gaya hidup negatif pelancong kembara

Gaya hidup yang negatif dalam kalangan pelancong kembara menyebabkan berlaku isu dalam pembangunan sosiobudaya dalam kalangan masyarakat tempatan. Penagihan dadah dan pengambilan alkohol yang berlebihan menyebabkan adakalanya pelancong kembara mendatangkan masalah kepada pengusaha penginapan bajet dan masyarakat tempatan [1]. Menurut Richards dan Wilson [17], perbuatan meminum alkohol berkaitan dengan gaya maskuliniti dan mencari realiti yang berbeza dalam diri selepas di bawah pengaruh alkohol. Faktor pengambilan alkohol yang berlebihan biasanya adalah disebabkan harga minuman itu yang jauh lebih murah di negara yang mereka kunjungi, oleh itu pelancong kembara meminum alkohol secara berlebihan untuk memuaskan keinginan mereka [24].

Seterusnya, keadaan yang tidak terkawal dan gangguan ketenteraman awam serta kerisauan masyarakat tempatan sering berlaku apabila penagihan dadah dan pengambilan alkohol berlebihan dalam kalangan pelancong kembara. Dalam keadaan yang lebih kritikal, mereka turut terlibat dalam sindiket pengedaran dadah. Sebagai contoh, menurut Levi-Brazilai [25], beribu-ribu pelancong kembara dari Israel setiap tahun terlibat dalam pengedaran dadah di India. Kebanyakan daripada mereka merupakan belia yang berada di peringkat menengah dan atas serta tidak pernah terlibat dalam kes dadah sebelum ini. Hal ini demikian kerana peluang mengedar dadah digunakan sebagai cara pembebasan mereka untuk keluar daripada kelompok masyarakat di negara asal.

Manakala dari segi kesan terhadap alam sekitar pula, ciri pelancongan kembara yang memberi faktor kebebasan dalam perjalannya turut mendatangkan kos yang perlu ditanggung oleh alam sekitar. Cooper *et al.* [26] menjelaskan pelancong kembara boleh memberi kesan yang besar terhadap alam sekitar kerana ramai daripada mereka gemar mencari pengalaman yang unik atau mendebarkan, walaupun ia mungkin mendatangkan gangguan atau kerosakan terhadap alam sekitar. Akhirnya, ia membawa kepada beberapa isu khusus berkenaan alam sekitar seperti berlakunya lebihan daya tampung alam sekitar dan gangguan terhadap habitat flora dan fauna.

3.3 Lebihan daya tampung alam sekitar

Pengenalan terhadap sesebuah destinasi pelancongan yang baharu, mempunyai ciri unik dan popular mempengaruhi jumlah kunjungan di destinasi berkenaan. Oleh itu, kebarngkalian untuk berlakunya lebihan daya tampung alam sekitar di destinasi tersebut adalah tinggi. Hal ini disokong oleh Bradt [27] yang menegaskan bahawa pelancong kembara yang berminat untuk mencari destinasi baharu untuk tujuan pengembalaan berisiko dalam membahayakan alam sekitar. Tambahan lagi, pengaruh populariti destinasi pelancongan melalui sebaran media sosial dan filem menyebabkan tahap kunjungan meningkat di sesebuah destinasi pelancongan tersebut. Sebagai contoh, populariti filem "The Beach" yang melakukan penggambaran di Pulau Koh Phi-Phi, Thailand dan filem "Eat Pray Love" yang melakukan penggambaran di Pantai Padang-Padang, Bali, Indonesia memberikan kesan lebihan daya tampung kepada alam sekitar. Menurut Dodds *et al.* [28], akibat daripada lebihan daya tampung pelancong kembara ke Pulau Koh Phi Phi, Thailand, berlaku masalah seperti kekurangan bekalan air tawar, peningkatan sisa, kerosakan pantai dan pembangunan pesat tanpa perancangan yang betul.

3.4 Gangguan terhadap habitat flora dan fauna

Ekosistem yang paling banyak terkesan daripada aktiviti pelancongan kembara adalah habitat flora dan fauna terutamanya bagi ekosistem yang sensitif terhadap tindak balas atau kehadiran manusia di persekitarannya. Antara ekosistem itu adalah terumbu karang. Kawasan terumbu karang yang umumnya merupakan habitat bagi pelbagai jenis hidupan zooplankton dan ikan kecil terjejas sekiranya aktiviti pelancongan kembara tidak peka terhadap tahap sensitiviti ekosistem berkenaan. Akhirnya, kitaran hidup pelbagai spesies yang menumpang di terumbu karang tersebut akan terjejas. Hal ini sejajar dengan yang dinyatakan oleh Sroypetch *et al.* [29] bahawa peningkatan kerosakan pada terumbu karang turut disebabkan oleh pelancong kembara berbanding disebabkan oleh masyarakat tempatan. Perkara ini turut disokong dengan pernyataan daripada salah seorang informan dalam kajian oleh Sroypetch *et al.* [29] yang menyatakan bahawa:

..masalah ini (merosakkan terumbu karang) adalah disebabkan oleh snorkelers, tetapi saya percaya ia tidak sengaja dalam kebanyakan kes. Bagi diri saya sendiri, kaki saya secara tidak sengaja terpijak terumbu karang ketika saya pergi lebih jauh semasa snorkeling. Kemudian, saya cuba menjauhkan diri daripada terumbu karang tersebut...

Tuntasnya, dalam kebanyakan kes, isu pelancongan kembara adalah bersifat isu terkawal dan pihak pemegang taruh serta kerajaan masih boleh mencadang dan melaksanakan pelbagai langkah yang proaktif bagi mengelakkan masalah ini daripada terus berlaku dan sekali gus menjelaskan imej baik pelancongan kembara sebagai salah satu bentuk pelancongan lestari yang mengutamakan keperluan untuk melakukan pengembalaan tetapi dalam masa yang sama tidak mengabaikan kepentingan pembangunan sosiobudaya serta penjagaan alam sekitar untuk generasi akan datang.

4. Cabaran dalam pelancongan kembara

Langkah membangunkan suatu produk pelancongan yang baharu bukanlah sesuatu perkara yang mudah. Hal ini demikian kerana adanya faktor perancangan daripada pihak kerajaan dan keutamaan yang diberikan oleh sesebuah negara dalam menjana pendapatan yang lebih lumayan dalam pelbagai produk pelancongan yang ingin dibangunkan. Terdapat dua cabaran yang paling ketara dihadapi dalam pelancongan kembara iaitu cabaran untuk mengekalkan keaslian pelancongan kembara itu sendiri dan kecenderungan kerajaan sesebuah negara untuk lebih mempromosikan pelancongan massa.

4.1 Cabaran untuk mengekalkan keaslian pelancongan kembara

Ting dan Kahl [30] menegaskan bahawa dalam konteks pelancongan kembara, cabaran lazimnya berlaku apabila ia telah menjadi satu bentuk pelancongan massa dari perspektif industri perjalanan. Hakikat bahawa pelancong kembara perlu membezakan diri mereka dengan percutian yang dipakejkan dan melakukan perjalanan dengan kesedaran diri untuk tidak menjadi seorang pelancong massa dalam melakukan pengembalaan. Hal ini demikian kerana ciri asas bagi pelancongan kembara adalah melibatkan “pengembangan jati diri” dan untuk berinteraksi dan memperoleh pengalaman di destinasi terpencil dan jauh berbeza daripada destinasi kunjungan oleh pelancong massa [31]. Tambahan lagi, Maoz [3] turut menjelaskan bahawa cabaran paling ketara dalam membangunkan pelancongan kembara adalah apabila ramai pelancong kembara muda yang menggambarkan mod

pelancongan ini sebagai sesuatu yang boleh disesuaikan dengan apa yang ditawarkan dalam pelancongan massa. Sementara itu, pelancong kembara yang lebih berpengalaman akan menganggap kumpulan ini sebagai “pelancong massa moden”, “pelancong kembara paslu” (*fake backpackers*) atau “pelancong kembara komersial” (*commercial backpackers*).


4.2 Kecenderungan kerajaan sesebuah negara untuk lebih mempromosikan sektor pelancongan massa

Dari segi peranan pembangunan oleh pihak kerajaan, produk pelancongan yang dipilih untuk pembangunan sektor pelancongan sesebuah negara mempengaruhi pertumbuhan pelancongan kembara. Cabaran dalam pelancongan kembara turut dirasakan apabila kerajaan memilih untuk lebih mempromosikan konsep pelancongan massa. Sebagai contoh, kebanyakan negara sedang membangun sangat mengalu-alukan ketibaan pelancong daripada luar negara secara beramai-ramai tanpa meneliti dengan lebih mendalam kapasiti daya tampung destinasi pelancongan yang ditawarkan dan kos alam sekitar yang akan dibayar semula kesan daripada penggunaan yang berlebihan dalam mengaut keuntungan dalam sektor berkenaan. Lazimnya, pemasaran dan promosi pelancongan yang dilakukan adalah bersifat umum dan massa yang tidak menjurus kepada jenis pelancongan alternatif tertentu ataupun jenis pelancongan lestari. Akhirnya, usaha untuk membangunkan pelancongan kembara akan perlahan kerana tumpuan lebih banyak diberikan kepada penjanaan kewangan segera dan dalam jumlah yang besar melalui pelancongan massa.

5. Masa depan pelancongan kembara di Malaysia

Pelancongan kembara merupakan suatu bentuk pelancongan lestari dan sentiasa mendapat permintaan di seluruh dunia kerana peranannya yang boleh mengawal lebihan pelancongan dalam mod pelancongan massa. Secara historikalnya, pelancong kembara melakukan perjalanan ke tiga destinasi utama di Asia iaitu di Kabul, Kathmandu dan Kuta (Bali, Indonesia) yang kemudiannya bergerak ke serata rantau Asia Selatan dan Tenggara [33, 34]. Menurut Ian dan Musa [35], laluan pelancongan kembara bagi rantau Asia Tenggara adalah Malaysia, Thailand (Bangkok), Vietnam (Ho Chi Minh City), Kemboja (Phnom Penh, Siem Reap) dan Indonesia (Bali, Yogjakarta). Rajah 1 merupakan contoh bagi laluan pelancongan kembara di rantau Asia Tenggara.

Malaysia yang terbahagi kepada Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur mempunyai potensi yang tinggi untuk dibangunkan sebagai hab dalam pembangunan pelancongan kembara. Hal ini disebabkan kedua-dua wilayah ini memiliki keunikan alam semula jadi dan kepelbagaiannya yang tersendiri yang boleh dijadikan tarikan dalam pelancongan kembara. Di Semenanjung Malaysia misalnya, pembangunan pelancongan kembara bagi beberapa tempat bersejarah dan mempunyai tarikan alam semula jadi yang terdapat di luar bandar dan terpencil boleh dilaksanakan untuk memberi suntikan pendapatan kepada penduduk tempatan di kawasan berkenaan. Pusat rehabilitasi haiwan liar turut boleh menggunakan khidmat pelancong kembara sebagai sukarelawan untuk melakukan tugas pembersihan dan penjagaan haiwan yang terancam. Dengan cara ini, para pelancong kembara turut mendapat faedah timbal balik daripada penyertaan mereka sebagai sukarelawan kerana berpeluang untuk mendekati pelbagai spesies hidupan liar yang terdapat di Malaysia.



Rajah 1. Contoh laluan pelancongan kembara (*backpacker tourism*) di rantau Asia Tenggara. Sumber: Diakses daripada thebrokebackpacker.com

Perkara yang sama turut boleh diaplikasikan dalam konteks pelaksanaan pelancongan kembara di Malaysia Timur iaitu di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Wilayah ini mempunyai kepelbagaiannya budaya serta keindahan tarikan semula jadi yang bertaraf antarabangsa. Ia berpotensi tinggi untuk dibangunkan sebagai salah satu cara untuk menyerap perbelanjaan pelancong kembara dari pelbagai negara untuk membelanjakan wang mereka bagi menikmati produk pelancongan kembara yang disediakan oleh penduduk tempatan. Sebagai contoh, sebagai langkah awal pembangunan mod pelancongan ini, masyarakat setempat boleh mewujudkan lebih banyak penginapan pelancong kembara di kawasan luar bandar dan perkampungan tradisional suku kaum tertentu yang terdapat di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi menggalakkan kedatangan mereka ke wilayah Malaysia Timur. Secara tidak langsung, dengan adanya penginapan bajet di kawasan pedalaman dan perkampungan tradisional, maka pelancong kembara mudah untuk mendapat akses kepada pelbagai tarikan alam semula jadi, budaya ataupun tinggalan sejarah di kawasan berkenaan.

6. Kesimpulan

Secara konklusinya, pelancongan kembara diakui berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran dalam pembangunan dan perlaksanaannya. Untuk itu, inisiatif yang konsisten, proaktif dan strategik adalah penting diberikan perhatian oleh pihak pemegang taruh yang terlibat. Usaha untuk memberikan kefahaman berkenaan rasional nilai moral dan norma hidup yang berbeza antara pelancong kembara dengan masyarakat tempatan perlu dipergiat bagi mengukuhkan pembangunan pelancongan ini di seluruh dunia. Langkah pengurangan impak terhadap alam sekitar perlu dilakukan agar pelancongan kembara boleh diterima oleh seluruh lapisan masyarakat termasuk pihak badan bukan kerajaan (NGO) dan swasta. Seterusnya, cabaran yang dihadapi dalam pembangunan pelancongan kembara seharusnya dibincangkan dengan lebih mendalam di peringkat yang lebih tinggi agar inisiatif membangunkan pelancongan yang bersifat lestari ini berjaya direalisasikan. Akhir sekali, dalam konteks masa depan pelancongan kembara, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang memiliki potensi dan prospek yang tinggi sebagai hab pelancongan kembara di rantau ini kerana

kepelbagaian budaya (*culture*) dan alam semula (*nature*) yang masih belum diterokai sepenuhnya. Tuntasnya, pihak pemegang taruh dalam industri pelancong di Malaysia perlu lebih fokus dan serius dalam mengangkat pelancongan kembara sebagai ‘produk’ pelancongan lestari yang penting untuk dipromosikan secara meluas. Ia adalah relevan dalam konteks sebagai suatu inisiatif dalam mengekalkan *survival*, kelestarian dan daya saing industri pelancongan negara.

Rujukan

- [1] Richards, Greg, and Julie Wilson, eds. *The global nomad: Backpacker travel in theory and practice*. Channel View Publications, 2004.
<https://doi.org/10.21832/9781873150788>
- [2] Hamzah, Amran, and Mark P. Hampton. "Tourism Development and Non-linear Change in Small Islands: Lessons from Perhentian Kecil, Malaysia." (2012).
- [3] Maoz, Darya. "Backpackers' motivations the role of culture and nationality." *Annals of tourism research* 34, no. 1 (2007): 122-140.
<https://doi.org/10.1016/j.annals.2006.07.008>
- [4] Butler, Gareth, and Kevin Hannam. "Independent tourist's automobilities in Norway." *Journal of Tourism and Cultural Change* 10, no. 4 (2012): 285-300.
<https://doi.org/10.1080/14766825.2012.718441>
- [5] Hannam, Kevin, and Anya Diekmann, eds. *Beyond backpacker tourism: Mobilities and experiences*. Channel View Publications, 2010.
<https://doi.org/10.21832/9781845411329>
- [6] Elsrud, Torun. "Risk creation in traveling: Backpacker adventure narration." *Annals of tourism research* 28, no. 3 (2001): 597-617.
[https://doi.org/10.1016/S0160-7383\(00\)00061-X](https://doi.org/10.1016/S0160-7383(00)00061-X)
- [7] Cohen, E. "Backpacking: Diversity and change." *Journal of tourism and cultural change* 1 (2003): 95-110.
<https://doi.org/10.1080/14766820308668162>
- [8] Cohen, E. "Pai- A backpacker enclave in transition." *Tourism Recreation Research* 31 (2006): 11-27.
<https://doi.org/10.1080/02508281.2006.11081502>
- [9] Hampton, Mark P. *Backpacker tourism and economic development: Perspectives from the less developed world*. Routledge, 2013.
<https://doi.org/10.4324/9780203547304>
- [10] Scheyvens, Regina, and Matt Russell. "Tourism and poverty alleviation in Fiji: Comparing the impacts of small-and large-scale tourism enterprises." *Journal of Sustainable Tourism* 20, no. 3 (2012): 417-436.
<https://doi.org/10.1080/09669582.2011.629049>
- [11] Aziz, H. "Backpackers in the Sinai." Focus. University of North London, Tourism Concern (1999).
- [12] Mandalia, S. "Getting the hump." Focus 31 (1999): 16-17.
- [13] Becken, Susanne, David G. Simmons, and Chris Frampton. "Energy use associated with different travel choices." *Tourism Management* 24, no. 3 (2003): 267-277.
[https://doi.org/10.1016/S0261-5177\(02\)00066-3](https://doi.org/10.1016/S0261-5177(02)00066-3)
- [14] Scheyvens, Regina. "Backpacker tourism and third world development." *Annals of tourism research* 29, no. 1 (2002): 144-164.
[https://doi.org/10.1016/S0160-7383\(01\)00030-5](https://doi.org/10.1016/S0160-7383(01)00030-5)
- [15] Luo, Xianrong, Graham Brown, and Songshan Sam Huang. "Host perceptions of backpackers: Examining the influence of intergroup contact." *Tourism Management* 50 (2015): 292-305.
<https://doi.org/10.1016/j.tourman.2015.03.009>
- [16] Loker-Murphy, Laurie, and Philip L. Pearce. "Young budget travelers: Backpackers in Australia." *Annals of tourism research* 22, no. 4 (1995): 819-843.
[https://doi.org/10.1016/0160-7383\(95\)00026-0](https://doi.org/10.1016/0160-7383(95)00026-0)
- [17] Richards, Greg, and Julie Wilson. "Travel writers and writers who travel: Nomadic icons for the backpacker subculture?." *Journal of Tourism and Cultural Change* 2, no. 1 (2004): 46-68.
<https://doi.org/10.1080/14766820408668168>
- [18] Ee, TingZhen, and Christian Kahl. "Self discovery and backpackers: a conceptual paper about liminal experience." *International Journal of Religious Tourism and Pilgrimage* 4, no. 1 (2016): 49-58.

- [19] Dayour, Frederick, Albert N. Kimbu, and Sangwon Park. "Backpackers: The need for reconceptualisation." *Annals of Tourism Research* 66 (2017): 191-193.
<https://doi.org/10.1016/j.annals.2017.06.004>
- [20] Laland, Kevin N., John Odling-Smee, and Marcus W. Feldman. "Niche construction, biological evolution, and cultural change." *Behavioral and brain sciences* 23, no. 1 (2000): 131-146.
<https://doi.org/10.1017/S0140525X00002417>
- [21] Hofstede, Geert. *Culture's consequences: Comparing values, behaviors, institutions and organizations across nations*. Sage publications, 2001.
- [22] Spicer, Paul. "Culture and the restoration of self among former American Indian drinkers." *Social Science & Medicine* 53, no. 2 (2001): 227-240.
[https://doi.org/10.1016/S0277-9536\(00\)00333-6](https://doi.org/10.1016/S0277-9536(00)00333-6)
- [23] Hermans, Hubert JM, and Harry JG Kempen. "Moving cultures: The perilous problems of cultural dichotomies in a globalizing society." *American psychologist* 53, no. 10 (1998): 1111.
<https://doi.org/10.1037/0003-066X.53.10.1111>
- [24] Cohen, Erik. "Nomads from Affluence: Notes on the Phenomenon of Drifter-Tourism1." *International Journal of Comparative Sociology* 14, no. 1-2 (1973): 89-103.
<https://doi.org/10.1177/002071527301400107>
- [25] Levi-Brazilai. (2003). "Did Anybody Give You Something to Deliver? *Haaretz, Musaf Haaretz* 1 (19), 32-38." (2003).
- [26] Cooper, Malcom, Kieran O'Mahony, and Patricia Erfurt. "Backpackers: nomads join the mainstream? An analysis of backpacker employment on the 'harvest trail circuit' in Australia." *The global nomad: Backpacker travel in theory and practice* (2004): 180-195.
<https://doi.org/10.21832/9781873150788-013>
- [27] Bradt, Hilary. "Better to travel cheaply." *The Independent on Sunday* 12 (1995): 49-50.
- [28] Dodds, Rachel, Sonya Rita Graci, and Mark Holmes. "Does the tourist care? A comparison of tourists in Koh Phi Phi, Thailand and Gili Trawangan, Indonesia." *Journal of Sustainable Tourism* 18, no. 2 (2010): 207-222.
<https://doi.org/10.1080/09669580903215162>
- [29] Sroyetch, Supattra, Neil Carr, and Tara Duncan. "Host and backpacker perceptions of environmental impacts of backpacker tourism: A case study of the Yasawa Islands, Fiji." *Tourism and Hospitality Research* 18, no. 2 (2018): 203-213.
<https://doi.org/10.1177/1467358416636932>
- [30] Ee, TingZhen, and Christian Kahl. "Self discovery and backpackers: a conceptual paper about liminal experience." *International Journal of Religious Tourism and Pilgrimage* 4, no. 1 (2016): 49-58.
- [31] Sørensen, Anders. "Backpacker ethnography." *Annals of tourism research* 30, no. 4 (2003): 847-867.
[https://doi.org/10.1016/S0160-7383\(03\)00063-X](https://doi.org/10.1016/S0160-7383(03)00063-X)
- [32] Scheyvens, Regina. "Sun, Sand, and Beach Fale: Benefiting from Backpackers-the Samoan Way." *Tourism Recreation Research* 31, no. 3 (2006): 75-86.
<https://doi.org/10.1080/02508281.2006.11081507>
- [33] Wheeler, Tony, and James Lyon. *Bali & Lombok: a travel survival kit*. Lonely planet, 1994.
- [34] Hampton, Mark P., and Amran Hamzah. "The Changing Geographies of Backpacker Tourism in South-East Asia." (2010).
- [35] Lee, Tzelan, and Ghazali Musa. "Uncovering the international backpackers to Malaysia." *Backpacker tourism: Concepts and profiles* (2008): 128-143.
<https://doi.org/10.21832/9781845410797-012>
- [36] Hunter-Jones, Philippa, Alice Jeffs, and Denis Smith. "Backpacking your way into crisis: an exploratory study into perceived risk and tourist behaviour amongst young people." *Journal of Travel & Tourism Marketing* 23, no. 2-4 (2008): 237-247.
https://doi.org/10.1300/J073v23n02_18
- [37] Adam, Issahaku. "Backpackers' risk perceptions and risk reduction strategies in Ghana." *Tourism Management* 49 (2015): 99-108.
<https://doi.org/10.1016/j.tourman.2015.02.016>
- [38] Pearce, Philip L. *The backpacker phenomenon: Preliminary answers to basic questions*. Department of Tourism, James Cook University of North Queensland, 1990.
- [39] Zhang, Jingru, Hazel Tucker, Alastair M. Morrison, and Bihu Wu. "Becoming a backpacker in China: A grounded theory approach to identity construction of backpackers." *Annals of Tourism Research* 64 (2017): 114-125.
<https://doi.org/10.1016/j.annals.2017.03.004>

- [40] O'Reilly, Camille Caprioglio. "From drifter to gap year tourist: Mainstreaming backpacker travel." *Annals of tourism research* 33, no. 4 (2006): 998-1017.
<https://doi.org/10.1016/j.annals.2006.04.002>
- [41] Paris, Cody Morris. "Flashpackers: An emerging sub-culture?." *Annals of Tourism Research* 39, no. 2 (2012): 1094-1115.
<https://doi.org/10.1016/j.annals.2011.12.001>
- [42] Sørensen, Anders. "Backpacker ethnography." *Annals of tourism research* 30, no. 4 (2003): 847-867.
[https://doi.org/10.1016/S0160-7383\(03\)00063-X](https://doi.org/10.1016/S0160-7383(03)00063-X)
- [43] Uriely, Natan, Yuval Yonay, and Dalit Simchai. "Backpacking experiences: A type and form analysis." *Annals of tourism research* 29, no. 2 (2002): 520-538.
[https://doi.org/10.1016/S0160-7383\(01\)00075-5](https://doi.org/10.1016/S0160-7383(01)00075-5)
- [44] Reichel, Arie, Galia Fuchs, and Natan Uriely. "Perceived risk and the non-institutionalized tourist role: The case of Israeli student ex-backpackers." *Journal of Travel Research* 46, no. 2 (2007): 217-226.
<https://doi.org/10.1177/0047287507299580>
- [45] Cohen, Erik H. "Educational dark tourism at an in populo site: The Holocaust Museum in Jerusalem." *Annals of tourism research* 38, no. 1 (2011): 193-209.
<https://doi.org/10.1016/j.annals.2010.08.003>